

Minat bahasa Melayu sejak sekolah rendah

➔ Choo Ming turut kuasai tulisan Jawi dalam tempoh dua tahun

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

► Bangi

Kecintaan kepada bahasa Melayu yang bermula sebagai eskapisme untuk mengelak kerumitan tulisan Cina akhirnya membawa Dr Ding Choo Ming menjadi antara pengkaji sastera Melayu terkenal di negara ini.

Choo Ming yang juga bekas Profesor dan Felo Penyelidik Utama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, minatnya kepada bahasa Melayu bermula sejak beliau berada dalam sekolah rendah lagi.

"Saya bersekolah di sekolah Cina, tetapi bagi saya tulisan karakter Cina begitu rumit hingga ia membunuh minat saya untuk mendalaminya.

"Begitu juga dengan bahasa Inggeris yang saya dapati mengelirukan kerana bentuk ayat *past tense* dan *present tense* menyebabkan saya beralih kepada bahasa Melayu ketika sekolah rendah.

Sangat mudah dipelajari

"Bahasa Melayu sangat mudah dipelajari, meskipun saya sendiri tidak pernah mengenali atau menggunakannya sebelum itu," katanya ketika ditemui *Sastera & Budaya* selepas berkongsi pengalaman mengkaji *Hikayat Syamsul Anuar* karya Raja Aisyah Sulaiman di ATMA di sini.

Meneruskan minatnya dalam bahasa Melayu, Choo Ming yang bersekolah di sekolah Cina, menjadi satu-satunya pelajar di sekolah itu yang mengambil mata pelajaran berkenaan bagi peperiksaan Malaysia Certificate Education (MCE) yang kini dikenali sebagai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



Choo Ming (tiga dari kanan) berkongsi pengalaman mengkaji *Hikayat Syamsul Anuar* di ATMA, UKM, semalam.



Saya lihat sastera Melayu boleh kembali dihidupkan jika kerajaan mewajibkannya sebagai mata pelajaran sejak awal

Ding Choo Ming,
Pengkaji sastera Melayu

"Saya masih ingat, guru bahasa Melayu menasihati supaya saya tidak 'gali kubur' sendiri kerana beliau tidak tahu buku apa yang harus saya baca bagi subjek bahasa Melayu.

Minta bantuan rakan

"Saya tidak risau dan kemudian meminta bantuan daripada rakan Melayu untuk membantu mempertingkatkan penguasaan bahasa itu," katanya.

Minatnya kepada bahasa Melayu kemudian mengalihkan pula perhatian Choo Ming kepada tulisan Jawi dan akhirnya beliau membuat keputusan memahirkan tulisan Jawi ketika menuntut di Universiti Malaya (UM).

"Bagi saya tidak sukar mempelajari Jawi, jika ada kepayahan pun mungkin ketika mahu menentukan huruf apa yang boleh disambung atau tidak.

"Minat saya terhadap tulisan ja-

wi ini membolehkan saya menguasainya dalam tempoh dua tahun dan saya juga pernah menulis untuk kolum manuskrip Melayu selama dua tahun di *Utusan Zaman* sebelum penerbitan itu ditutup," katanya.

Choo Ming turut menyentuh mengenai kemerosotan tulisan Jawi yang antara lain katanya disebabkan masyarakat Melayu sendiri sudah menunjukkan yang mereka tidak lagi berminat meneruskannya.

"Perkara sama juga berlaku apabila membicarakan sastera Melayu, meskipun dikatakan ada sehingga 50,000 manuskrip Melayu, tetapi adakah karya sastera Melayu juga sudah mencapai angka itu?"

"Saya lihat sastera Melayu boleh kembali dihidupkan jika kerajaan mewajibkannya sebagai satu mata pelajaran sejak awal, terutama pada peringkat sekolah," katanya.